



MEMO

Kepada : Semua Penyewa Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd

Daripada : Pengurus Besar, Strategi, Perancangan & ESG

Tarikh : 4 Julai 2024

Rujukan : EPIC/Memo/SPE/07/01

**Perkara : PROGRAM PENGUMPULAN BAHAN E-WASTE DAN FABRIK
DI LOT PARKING POLIS BANTUAN FASA 1 DAN FASA 2 PADA
14HB JULAI (AHAD) SEHINGGA 16HB. JULAI 2024 (SELASA)**

Untuk makluman semua, EPIC Berhad sedang menjalankan kempen "EPIC Go Green 1.0" sepanjang tahun 2024 bagi menerapkan prinsip ESG di dalam aktiviti syarikat.

Salah satu program di dalam kempen ini adalah Pelupusan e-Waste dan fabrik. Untuk program ini, pihak EPIC akan menyediakan fasiliti bagi pengumpulan barang-barang elektrik dan elektronik dan fabrik yang tidak digunakan lagi bermula dari 14hb Julai sehingga 16hb Julai 2024 (Ahad sehingga Selasa).

Pihak EPIC dengan kerjasama pihak Kastam dengan ini telah memberi kelulusan kepada pihak penyewa untuk membawa keluar barang-barang yang dibenarkan seperti berikut dan tertakluk kepada syarat-syarat yang diluluskan oleh pihak Kastam (seperti lampiran):

Barang-barang yang dibenarkan dibawa keluar adalah seperti:

1. Peralatan Komputer (Komputer Riba, Komputer Meja, Tetikus, papan kekunci dll)
2. Peralatan Komunikasi (telefon bimbit, bateri, 'powerbank', kabel pengecas, telefon pejabat, 'walkie talkie' dll)
3. Peralatan elektrik (cerek, ketuhar gelombang mikro, periuk elektrik dll)

Pihak penyewa perlu mematuhi peraturan pengeluaran barang-barang tersebut seperti arahan dalam surat kebenaran Kastam.

Kami menggalakkan pihak penyewa menggunakan kebenaran ini dengan sepenuhnya supaya dapat membersihkan kawasan premis masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BE FACT: BETTER, FASTER, COMPETITIVE"

A handwritten signature in black ink, appearing to be "Xy" followed by a flourish.

MAZLINA MD NOR
Pengurus Besar, Strategi, Perancangan & ESG